

Skim Faedah Persaraan baru kakitangan awam mungkin diperkenal

Oleh HAMDEN RAMLI dan S. ANAND KUMAR

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Kakitangan baru sektor awam mungkin akan menikmati Skim Faedah Persaraan baru yang lebih lumayan berbanding skim pencen sekarang.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, skim baru itu melibatkan ca-

UM-13/9/2006
Jimatkan perbelanjaan kerajaan di samping sediakan pakej persaraan lebih lumayan kepada kakitangan baru

ruman kerajaan dan kakitangan awam kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) sepanjang perkhidmatan mereka.

"Kerajaan sedang mengkaji ke-

mungkinan menggantikan Skim Pencen Sektor Awam sekarang dengan satu Skim Faedah Persaraan baru bagi kakitangan baru," katanya dalam jawapan bertulis

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

kepada soalan Chow Kon Yeow (DAP-Tanjong) pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Abdullah berkata, tujuannya ialah untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan di samping menyediakan pakej persaraan lebih lumayan kepada kakitangan baru.

Menurutnya, skim baru itu hanya meliputi kakitangan baru mulai satu tarikh yang akan dite-

■ Lihat muka 2

Skim Faedah Persaraan baru kakitangan awam mungkin diperkenal

tapkan oleh kerajaan kelak.

Beliau berkata, ia sedang dihalusi bersama oleh kerajaan dengan semua pihak berkepentingan khususnya Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).

Perdana Menteri menegaskan, skim tersebut bukan skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tetapi caruman dibuat kepada KWAP.

"Kebajikan hari tua anggota sektor awam tidak pernah diabaikan oleh kerajaan," kata-

nya.

Utusan Malaysia difahamkan, di bawah skim baru itu, gaji kakitangan awam akan dipotong untuk caruman sebanyak sembilan peratus dan kerajaan akan menambah 11 peratus lagi.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, skim sekarang adalah terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan akan diteruskan bagi anggota sedang berkhidmat.

Menurutnya, skim pencen sekarang diakui

skim faedah persaraan yang terbaik kerana ia tidak melibatkan caruman anggota.

"Skim sekarang yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan ini menelan belanja RM5.3 bilion setahun, meliputi kira-kira 530,000 pesara dan penerima pencen," ujarnya.